

Reka Bentuk Pengajaran Tariq-Tariq Hafs Di Negara Brunei Darussalam: Satu Kajian Awal

Instructional Design for Tariq Hafs Studies in Brunei Darussalam: A Preliminary Study

**Hanan Syafiqah binti Haji Muhammad Salleh¹, Dr Hajah Sarinah binti Haji Yahya²,
Dr Haji Ahmad Baha bin Haji Mokhtar³, Dr Adam bin Haji Jait⁴**

¹ *Jabatan Usuluddin, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, BE 1310, Negara Brunei Darussalam, Hanansyafiqah.salleh@gmail.com, +6737275461.*

² *Jabatan Usuluddin, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, BE 1310, Negara Brunei Darussalam, Sarinah.yahya@unissa.edu.bn, +6738846000.*

³ *Jabatan Usuluddin, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, BE 1310, Negara Brunei Darussalam, Baha.mokhtar@unissa.edu.bn, +6738643803.*

⁴ *Pusat Teknologi Multimedia, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, BE1310, Negara Brunei Darussalam, Adam.jait@unissa.edu.bn, +6738636946.*

**Corresponding Author: Hanan Syafiqah binti Haji Muhammad Salleh. Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, BE1310, Negara Brunei Darussalam, Hanansyafiqah.salleh@gmail.com, +6737275461, ORCID iD.*

ABSTRAK

Pelajar-pelajar Qira'at di Negara Brunei Darussalam belum pernah didedahkan dengan Tariq-tariq Hafs secara komprehensif. Tariq-tariq Hafs yang terkumpul ialah sebanyak 57 tariq, yang antaranya Tariq Al-Syatibi yang biasa diamalkan di negara ini. Tariq Al-Syatibi mempunyai banyak persamaan *manhaj* (cara) bacaan dengan *manhaj* Tariq-tariq Hafs yang lain sehingga menyebabkan mudah berlakunya *tarkib* (pertindihan) dalam bacaan. Justeru, pengkaji berhasrat untuk menghasilkan satu reka bentuk pengajaran Tariq-tariq Hafs yang bersesuaian dengan keperluan pelajar-pelajar Qira'at di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini terdiri daripada dua fasa iaitu fasa analisis keperluan dan fasa reka bentuk yang mana kedua peringkat ini akan menggunakan kaedah kualitatif. Pada peringkat analisis keperluan, responden yang terlibat terdiri daripada empat orang pensyarah Qira'at di Negara Brunei Darussalam. Teknik Delphi pula akan digunakan pada peringkat reka bentuk yang melibatkan dua sesi pusingan bagi mendapatkan maklumat dan kesepakatan pandangan dengan menemubual responden yang terdiri dari lima orang pensyarah Qira'at dan dua orang ahli dari Bahagian Kurikulum Negara Brunei Darussalam. Dapatan kajian ini nanti diharapkan akan bermanfaat kepada dunia Islam umumnya dan Negara Brunei Darussalam

khususnya.

Kata Kunci: *Reka bentuk; Pengajaran; Qira'at; Tariq; Hafs*

ABSTRACT

The Qira'at students in Brunei Darussalam have not been exposed to Tariq Hafs comprehensively. Collectively, there are 57 Tariq in Tariq Hafs, of which Tariq Al-Syatibi is commonly practised in this country. Recitation manhaj (method) of Tariq Al-Syatibi has many similarities to other Tariq Hafs' manhajs, consequently leads to the inclination of tarkib (overlap) in reading. Hence, the researcher intends to create an instructional framework for Tariq Hafs suited the needs of Qira'at students in Brunei Darussalam. This research encompasses two qualitative phases; requirement analysis and instructional design. In requirement analysis, the respondents involved are four Qiraat lecturers in Brunei Darussalam. The Delphi Technique will then be used in the instructional design phase for two rounds of information collection of consensus building from interviewing respondents, consisting of five Qira'at lecturers and two representatives of the Brunei Darussalam Department of Curriculum Development. The research results are hoped to be beneficial in Islamic sphere generally and Brunei Darussalam specifically.

Keywords: Frame work; Teaching; Qira'at; Tariq; Hafs

Received: October 25, 2022

Accepted: April 13, 2023

Online Published: May 29, 2023

Pengenalalan

Al-Quran al-Karim merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi wa Sallam* dengan pelbagai bacaan yang dikenali sebagai Qira'at. Ia merupakan satu bentuk keringanan yang dianugerahkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada umat Baginda untuk memilih mana-mana bacaan yang mudah. Antara hikmah mempelajarinya ialah supaya bacaan kita terhindar dari berlakunya *tarkib* (bacaan bertindih atau bercampur aduk). Sejak turunnya al-Quran, ilmu Qira'at diajarkan secara *talaqqi* dan *musyafahah* oleh Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi wa Sallam* kepada sahabat-sahabat Baginda dan disampaikan secara *mutawatir* kepada para tabi'in, tabi' tabi'in sehingga kepada Imam-imam Qira'at yang terkemuka seperti Imam Nafi', Imam Ibnu Kathir dan Imam Abu 'Amr (Abu Al-Khair Muhammad, t.th). Ilmu Qira'at diajarkan secara formal dan non-formal. Pengajaran secara formal banyak didapati di institusi-institusi pengajian tinggi di dunia Islam contohnya di Timur Tengah seperti Republik Arab Mesir, Jordan dan Arab Saudi, manakala di Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei.

Dalam memilih mana-mana bacaan yang mudah diamalkan seperti mana yang disebut di atas, kita tidak boleh membaca al-Quran dengan sesuka hati, kecuali dipandu dengan *manhaj* (cara bacaan) yang betul dan mempunyai pengetahuan tentang hal ehwal ilmu Qira'at yang mengandungi riwayat dan tariq. Riwayat ialah setiap apa yang disandarkan kepada periwayat yang diambil daripada imam Qira'at sama ada melalui perantaraan ataupun secara langsung. Di antara banyak riwayat, Riwayat Hafs merupakan riwayat yang paling masyhur.

Tariq pula ialah setiap apa yang disandarkan kepada pengambil selepasnya dan sesiapa sahaja selepasnya daripada periwayat. Imam Ibnu al-Jazari berjaya mengumpulkan 980 tariq yang bersambung daripada Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi wa Sallam*. Riwayat Hafs pula memiliki 57 tariq (Abu Abdullah Muhammad, 2000). Pengkaji mendapati bahawa reka bentuk pengajaran ilmu Qira'at dengan penumpuan terhadap tariq-tariq Hafs belum pernah dikaji sebelum ini kecuali beberapa kajian yang dibuat secara umum sahaja. Oleh itu, pengkaji lebih memilih tajuk yang berkaitan sebagai kajian.

Latar Belakang Masalah

Kerajaan Negara Brunei Darussalam menitikberatkan pengajaran agama Islam dan al-Quran sejak Islam menjadi agama rasmi negara pada tahun 1959 yang dicatat dalam Perlembagaan Bertulis Brunei yang pertama (Haji Awang Badaruddin, 2010). Pengajarannya mula berkembang luas secara formal seperti di sekolah-sekolah Agama, sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah Inggeris dan institusi-institusi pengajian tinggi. Manakala pengajaran secara non-formal pula dibuat di masjid-masjid, surau-surau, rumah-rumah persendirian, pusat-pusat pemulihan dan disebar di media-media cetak dan penyiaran. Meskipun al-Quran merupakan mata pelajaran teras di sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam, namun bidang Qira'at belum lagi dikenali secara menyeluruh. Pada masa yang sama pelajar-pelajar dan majoriti penduduknya sudah mengamalkan bacaan Riwayat Hafs melalui tariq al-Syatibi dalam kehidupan mereka seharian. Sejak tahun 2010 iaitu setelah penubuhan 'Program Diploma 'Aliyah Qira'at' (DAQ) di bawah Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bokiah (ITQSHHB), ilmu Qiraat ini sudah mula dikenali dan seterusnya semakin berkembang dengan adanya program Qira'at di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

'Program Diploma Aliyah Qira'at' (DAQ) di ITQSHHB mengambil masa selama tiga tahun, iaitu enam semester. Pengambilan pertama terdiri daripada sepuluh orang siswa dan dua orang siswi. Jumlah pelajar dalam program pada masa ini ialah seramai 60 orang. Program ini mendapat pengiktirafan syahadah Aliyah Qira'at Al-Azhar dan telah menerima kelulusan pada 21 Jun 2010M. Syarat kemasukan hanya ditawarkan kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Penilaian Ugama Brunei atau sebanding dengannya. Antara modul program ini ialah hafazan Al-Quran 30 Juz dan Qira'at Teori dan Amali (Diploma 'Aliyah Qira'at, t.th).

'Program Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qira'at' mula diperkenalkan di peringkat Ijazah UNISSA pada sesi pengajian tahun 2016/2017 di bawah Fakulti Usuluddin. Program ini mengambil masa selama empat tahun pengajian. Jumlah kemasukan pertama bagi pelajar Qira'at ialah seramai 13 orang. Syarat kemasukan ialah pernah menghafaz 30 Juz al-Quran dengan baik dan bagi pemohon yang hanya menghafaz sekurang-kurangnya 15 Juz adalah dipertimbangkan. Antara modul pengajarannya ialah hafazan al-Quran 30 juz dan Qira'at Teori dan Amali (Haji Ahmad Baha, 2019).

Antara faktor yang mendorong Negara Brunei Darussalam mengadakan program Qira'at ialah kerana hukum mempelajari ilmu ini merupakan tuntutan fardhu kifayah. Selain itu ilmu Qira'at adalah syarat pelengkap bagi pelajar-pelajar tahfiz yang menjadi harapan negara bagi memikul tanggungjawab menjaga keaslian dan keagungan al-Quran dari penyimpangan dan perubahan, mengajarkan masyarakat bacaan al-Quran dengan tatacara yang betul, meleraikan kesalahfahaman masyarakat tentang al-Quran yang mempunyai

banyak variasi bacaan dan menjadi pakar Qira'at yang diharapkan menjadi tempat rujukan. Menurut mantan pengetua Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh (2015) ITQSHHB:

"Jika dilihat mereka yang menerokai bidang ini dalam jumlah yang sedikit jika dibandingkan dengan ilmu-ilmu yang lain, namun sumbangan mereka terhadap negara jelasnya sangat besar ganjarannya di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana mereka telah meninggikan martabat kitabullah, mempelajarinya dengan lebih mendalam, bukan sekadar menghafaz al-Quran, malah lebih jauh dari itu, iaitu mendalami bidang Qira'at al-Quran sekaligus melepaskan kita dan Negara Brunei Darussalam dari salah satu tuntutan fardhu kifayah".

Begitu juga menurut Mantan Menteri Hal Ehwal Ugama Brunei Pengiran Dato Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman (2005):

"...Falsafah pendidikan kita juga menggalakkan kita berkepandaian atau dalam istilah sekarang ialah mempunyai 'kepakaran'. Kepakaran dalam sesuatu bidang ilmu memang sangat-sangat dihajati oleh negara kita. Hanya dengan mempunyai anak-anak tempatan yang berkepakaran di segala bidang akan dapat melonjakkan negara kita ke hadapan bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Oleh itu anak watan yang cintakan tanah airnya mesti peka kepada matlamat ini dan bersedia berkorban masa dan tenaga untuk itu."

Mengikut laporan dalam dokumen senarai modul pengajaran Qira'at di ITQSHHB dan hasil daripada temu bual bersama pensyarah Qira'at di UNISSA (2019) kedua-dua institusi ini menumpukan bacaan Qira'at Imam-Imam Sepuluh yang *mutawatir* melalui tariq al-Syatibi iaitu jalan periwayatan 'Ubaid bin Sobah al-Nahsyali' dan Durrah iaitu tariq al-Jazari yang memilih dua tariq utama, iaitu tariq 'Ubaid bin al-Sobah' dan 'Amru bin al-Sobah'. Di sini pengkaji mendapati bahawa silibus pengajaran ilmu tariq belum diperkenalkan secara khusus dalam kurikulum kedua-dua institusi ini. Justeru, pengkaji berharap kajian seperti ilmu tariq ini akan menambah ilmu pengetahuan tentang tariq-tariq di kalangan pelajar-pelajar Qira'at yang ingin mendalami bidang yang diceburi dan merupakan salah satu jalan atau langkah ke arah 'kepakaran' yang dimaksudkan dan dihajati oleh negara kita.

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif-objektif bagi peringkat-peringkat berikut:

1.4.1 Peringkat Analisis Keperluan

- (a) Menganalisis keperluan pelajar-pelajar Qira'at di Negara Brunei Darussalam terhadap pengajaran Tariq-tariq Hafs mengikut pandangan pensyarah-pensyarah Qira'at.
- (b) Mengenalpasti matlamat, isi kandungan, kaedah pengajaran dan bentuk penilaian yang sesuai dalam pengajaran Tariq-tariq Hafs mengikut pandangan pensyarah-pensyarah Qira'at.

1.4.2 Peringkat Reka Bentuk

- (a) Menetapkan matlamat yang sesuai dalam pengajaran Tariq-tariq Hafs mengikut pandangan pensyarah-pensyarah Qira'at dan ahli-ahli kurikulum.
- (b) Menyusun isi kandungan pelajaran yang sesuai dalam pengajaran Tariq-tariq Hafs mengikut pandangan pensyarah-pensyarah Qira'at dan ahli-ahli kurikulum.
- (c) Memilih kaedah pengajaran yang sesuai dalam pengajaran Tariq-tariq Hafs mengikut pandangan pensyarah-pensyarah Qira'at dan ahli-ahli kurikulum.
- (d) Menyediakan bentuk penilaian yang sesuai digunakan dalam pengajaran Tariq-tariq Hafs mengikut pandangan pensyarah-pensyarah Qira'at dan ahli-ahli kurikulum.

Permasalahan Kajian

Antara hikmah al-Quran diturunkan dengan pelbagai tariq ialah supaya memberi keringanan kepada setiap pembaca untuk memilih mana-mana bacaan yang paling mudah (Abu Al-Khair Muhammad, t.th). Tanpa memahami selok-belok perbezaan bacaan setiap tariq, pembaca akan mencampuradukkan tariq-tariq tersebut di dalam bacaan mereka sehingga mengakibatkan *tarkib* (pertindihan). *Tarkib* ini adalah ditegah dalam bacaan al-Quran sepertimana yang telah dijelaskan oleh para ulama dalam kitab-kitab mereka seperti imam Ibnu al-Jazari, imam al-Sakhawi dan sebagainya (Abu Al-Khair Muhammad, t.th).

Menurut Fairuz A. Adi, Ikmal Zaidi Hashim, Shahrudin Saad (2018), Abdul Muhaimin Ahmad, Muhammad Hafiz bin Saleh dan Norazman bin Alias (t.th), Shahrudin Saad, Ikmal Zaidi Hashim, Md Syafee Salihin Hasan (2015) dan ramai lagi mengatakan bahawa tariq-tariq terutamanya riwayat Hafs patut diperkenalkan kepada masyarakat. Ironinya, pelajar-pelajar Qira'at di negara ini belum lagi didedahkan dengan tariq-tariq tersebut secara komprehensif, sedangkan hukum mempelajarinya adalah fardhu kifayah. Malah, tariq-tariq Hafs ini lebih banyak mempunyai persamaan *manhaj* (cara) bacaan dengan bacaan tariq al-Syatibi yang kita amalkan sehingga menyebabkan mudah berlakunya *tarkib* dalam bacaan. Selain itu, pengkaji belum menemukan mana-mana kajian yang berkaitan dengan reka bentuk pengajarannya di Negara Brunei Darussalam dan silibusnya belum pernah digubal dan diterapkan ke dalam kurikulum sekolah.

Oleh itu pengkaji berpendapat, kajian seumpama ini perlu dibuat, dipelbagaikan dan dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam. Pengkaji juga berharap kajian seperti ini akan menambah lagi ilmu pengetahuan tentang tariq-tariq di kalangan pelajar-pelajar Qira'at khususnya dan masyarakat umumnya kerana dengan mempelajarinya seperti yang disebut di atas, kita akan dapat menjaga keaslian al-Quran, mampu membaca al-Quran dengan tatacara yang sebenar, menghindari kesalahfahaman mengenainya serta mampu membezakan antara bacaan *mutawatirah* dan *syazzah* (lawan mutawatirah kerana telah gugur salah satu atau lebih dari tiga rukun bacaan yang diterima).

Sorotan Literatur

Sorotan literatur bagi kajian ini melibatkan dua bahagian, iaitu: sorotan berkaitan dengan reka bentuk pengajaran dan sorotan berkaitan dengan tariq-tariq Hafs.

1. Sorotan Berkaitan Dengan Reka Bentuk Pengajaran

Terdapat banyak kajian mengenai reka bentuk pengajaran (*Instructional Designs*) mengikut peringkat-peringkatnya seperti analisis keperluan, reka bentuk, pembinaan, pelaksanaan dan penilaian yang digariskan oleh model-model reka bentuk pengajaran seperti ADDIE, ASSURE dan Katz & Kahn. Pengkaji belum mendapati sebarang kajian mengenai reka bentuk pengajaran ilmu Qira'at melalui kelima-lima peringkat tersebut kecuali kajian tesis Doktor Falsafah yang dibuat oleh Zainora Daud (2015) dari Universiti Malaya yang bertajuk "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qira'at Di Darul Quran Dan Ma'ahad Tahfiz Al-Quran Di Malaysia" iaitu di peringkat penilaian. Dalam hal ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada tariq-tariq Hafs dan memilih peringkat analisis keperluan dan peringkat reka bentuk kerana pengajaran tariq-tariq ini belum ada di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, pengkaji hanya akan menyenaraikan beberapa kajian lepas yang memfokuskan kepada peringkat reka bentuk pengajaran dalam bidang dan skop yang berbeza.

Antara kajian-kajian lepas yang berkisar tentang reka bentuk pengajaran ialah sepertimana ditulis oleh Ummu Nasibah Nasohah, Muhammad Izuan Abdul Gani dan Nazipah Mat Shaid (2015) dengan tajuk seminar "Model Addie Dalam Proses Reka Bentuk Modul Pengajaran: Bahasa Arab Tujuan Khas Di Universiti Sains Islam Malaysia Sebagai Contoh". Makalah ini mengupas tentang proses reka bentuk modul pengajaran dengan berteraskan model ADDIE dengan mengambil subjek bahasa Arab untuk tujuan khas di Universiti Sains Islam Malaysia sebagai contoh. Menurut pengkaji-pengkaji tersebut, model ADDIE merupakan antara model reka bentuk yang sistematik dan efektif yang terdiri daripada lima fasa iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Hasil daripada penggunaan model ADDIE dalam reka bentuk sesuatu modul pengajaran, terbinalah satu modul pengajaran yang mencapai objektif pengajaran & pembelajaran (P&P) dengan lebih efektif serta pendekatan yang sistematik seiring dengan citarasa dan keperluan pelajar. Kajian ini menerangkan proses reka bentuk pengajaran secara umum dengan memfokuskan kepada proses bagaimana untuk mereka bentuk modul pengajaran Bahasa Arab untuk tujuan sains dengan mengikut teori ADDIE. Justeru, kajian ini mencadangkan model reka bentuk modul yang terbaik selain menerangkan prosesnya dengan menggunakan metod analisis dokumen. Ini berbeza dengan kajian pengkaji dari segi objektif, skop kajian dan metodologi kajian.

Kajian seterusnya ialah kajian yang dilakukan oleh Mohamad Siri Muslimin, Norazah Mohd Nordin, Ahmad Zamri Mansor dan Pajuzi Awang dengan tajuk kajian "Reka Bentuk Dan Pembangunan Aplikasi Pembelajaran Mudah Alih Bagi Keperluan Modul Mikroekonomi". Objektif projek ini ialah untuk mereka bentuk dan membangunkan satu aplikasi pembelajaran mudah alih (mobile apps) berdasarkan konsep tutorial bagi penggunaan modul Mikroekonomi di Politeknik Malaysia. Kandungan utama dalam aplikasi tersebut berdasarkan silibus modul Mikroekonomi DPB 1023 Politeknik Malaysia yang merangkumi tajuk teori permintaan dan penawaran, keanjalan, teori pengeluaran dan kos pengeluaran serta

struktur dan penentuan harga pasaran. Reka bentuk dan pembangunan aplikasi ini berdasarkan penyelidikan reka bentuk dan Pembangunan (DDR) serta model ADDIE sebagai model reka bentuk pengajaran yang mempunyai lima fasa iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Sementara itu, proses mengarang dan membangunkan kandungan aplikasi mudah alih adalah berasaskan web Appy Pie, Adobe Photoshop dan perisian Camtasia. Prototaip aplikasi tersebut dipakejkan dalam bentuk aplikasi Android bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran modul Mikroekonomi melalui penggunaan peranti mudah alih, menyokong pembelajaran, kerjasama, dan sosial untuk pelajar. Walaubagaimanapun, kajian tersebut berbeza dari segi peringkat reka bentuk pengajaran. Pengkaji memilih peringkat analisis keperluan dan reka bentuk, manakala kajian mereka membincangkan peringkat pembangunan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan prototaip aplikasi mudah alih. Kedua-dua kajian ini juga berbeza dari segi skop kajian.

2. Sorotan Berkaitan Dengan Tariq-Tariq Hafs

Pengkaji mendapati sedikit sahaja kajian dan penulisan yang memfokuskan kepada tariq-tariq Hafs. Sebagai contoh, kertas kerja yang dikemukakan oleh Fairuz A. Adi, Ikmal Zaidi Hashim dan Shaharuddin Saad (2018) dengan tajuk "Bacaan Al-Quran Riwayat Hafs 'An 'Asim: Penyusunan Tatacara Bacaan Mengikut Tariq Yang Betul". Kertas kerja ini memperkenalkan biodata Imam Hafs 'an 'Asim dan bacaan-bacaan beliau mengikut tariq al-Syatibi dan tariq Ibnu al-Jazari melalui penggunaan metod analisis dokumen. Kajian ini juga menerangkan bahawa Imam al-Syatibi lebih memilih jalan periwayatan 'Ubaid bin al-Sobah al-Nahsyali dan terdapat ramai lagi ulama Qira'at selain al-Syatibi yang memilih jalan periwayatan yang lain seperti Imam Ibnu al-Jazari melalui kitab beliau "*Al-Nasyr Fi Al-Qiraat Al-'Asyar*". Ibnu al-Jazari menjelaskan bahawa terdapat dua tariq paling utama dalam riwayat imam Hafs, iaitu tariq 'Ubaid bin al-Sobah dan tariq 'Amru bin al-Sobah al-Nahsyali. Pengkaji-pengkaji ini juga menerangkan bahawa keseluruhan tariq bagi riwayat Hafs daripada 'Asim adalah sebanyak 57 tariq dan mereka merumuskan tentang kalimah-kalimah yang mempunyai *khilaf* (perbezaan) dalam bacaan Hafs 'an 'Asim pada beberapa *Usul Qira'at* dan kalimah-kalimah khusus yang disebut sebagai *Farsh al-Huruf*. Terdapat beberapa *Usul* yang menjadi perbezaan bacaan dalam riwayat Hafs iaitu: Mad Munfasil, Mad Muttasil, Dengung (Ghunnah), Saktah pada huruf bertanda sukun (mati) sebelum huruf Hamzah dan Takbir, perselisihan bacaan takbir am pada permulaan semua surah dalam al-Quran atau khas, iaitu bacaan takbir pada awal atau akhir surah-surah khatam. Selain ini terdapat juga 16 *Farsh al-Huruf* dalam riwayat Hafs yang berbeza. Mengikut pendapat pengkaji, kertas kerja ini memfokuskan kepada perbezaan keseluruhan tariq secara umum yang sudah setentunya objektif kajian mereka berbeza dengan kajian pengkaji.

Kajian seterusnya juga menggunakan metod analisis dokumen dengan menghuraikan tentang tariq-tariq riwayat Hafs 'an 'Asim yang telah dilakukan oleh Abdul Muhaimin Ahmad, Muhammad Hafiz bin Saleh dan Norazman bin Alias (t.th) dengan tajuk mereka "Qiraat Imam 'Asim Riwayat Hafs: Kajian Terhadap Dua Tariq". Diterangkan dalam kajian ini tentang Imam al-Syatibi yang memilih satu tariq sahaja, iaitu tariq 'Ubaid bin Sobah al-Nahsyali, manakala Imam Ibn al-Jazari memilih dua tariq utama, iaitu tariq 'Ubaid bin Sobah al-Nahsyali dan tariq 'Amru bin al-Sobah al-Nahsyali. Kajian ini juga menerangkan bahawa terdapat tariq yang dikumpulkan oleh Imam al-Dhobba' selain Ibnu al-Jazari menjadikan tariq-tariq Hafs keseluruhannya 57 tariq. Pengkaji-pengkaji ini juga memperkenalkan Imam

al-Syatibi dan kitabnya "*Hirz al-Amani wa Wajhal-Tahani*", tariq al-Farisi daripada "*Kitab al-Tajrid li Bughyah al-Murid*" karangan Ibnu Fahham al-Soqili dan menjelaskan tentang tiga tariq yang di bawa oleh Ibnu al-Fahham bagi riwayat Hafs 'an 'Asim di dalam kitab beliau "*al-Tajrid li Bughyah al-Murid fi al-Qiraat al-Sab*". Dua daripada tariq tersebut disandarkan kepada Abu Tahir bin Abi Hasyim 'Abd al-Wahid, manakala satu lagi disandarkan kepada Abu al-Hasan Zur'an. Pengkaji ini juga menulis biodata ringkas para qari' di dalam tariq ini, iaitu: Abi al-Husin Nasr bin 'Abd al-'Aziz al-Farisi, Abi al-Hasan 'Ali bin Ahmad al-Hammami dan Abi Tahir 'Abd al-Wahid bin 'Umar. Kajian ini memfokuskan perbezaan bacaan di kalangan tariq-tariq secara umum sahaja tetapi menambah perbezaan bacaan antara tariq al-Syatibi dengan tariq al-Farisi. Kajian ini hanya menjelaskan bacaan riwayat Hafs 'an 'Asim dengan memilih dua tariq sebagai skop kajian dan mengemukakan perbezaan antara dua tariq secara umum sahaja. Terdapat lagi 55 tariq dalam bacaan Imam Hafs yang belum dijelaskan dan skop kajian hanya tertumpu kepada dua tariq.

Ahmad Dasuki bin Md Tahir (2017) dalam tesis sarjananya "Perbandingan Tajwid Al-Quran Dalam Riwayat Hafs Menurut Tariq Asy-Syatibi Dan Ibnu Al-Jazari" telah mengupas perbezaan bacaan Tajwid al-Quran dalam riwayat Hafs menurut tariq al-Syatibi dan Ibnu al-Jazari. Beliau juga mengkaji cara-cara pengamalan ilmu Tajwid al-Syatibi dan Ibnu al-Jazari dan tahap pemahaman sebahagian masyarakat di lingkungan Bandar Chukai, Terengganu. Beliau menggunakan wawancara, telaah dokumen, pemerhatian dan angket terhadap masyarakat Islam dewasa yang terpelajar di Bandar Chukai Terengganu dan mahasiswa Islam, ustaz-ustaz dan imam-imam masjid di sekitar Bandar Chukai Terengganu. Dapatan kajian menjelaskan tentang perbezaan dua tariq, beliau juga menjelaskan kepentingan mempelajari tariq-tariq Tajwid kerana menjadi materi yang dasar dalam menguasai bacaan al-Quran disamping itu mendapati bahawa masyarakat Bandar Chukai tidak didedahkan dengan ilmu Tariq ini dan ramai cendekiawan al-Quran masih belum mengetahuinya. Kajian ini sangat menarik walaupun bagaimanapun beliau hanya menjelaskan dua tariq sahaja dan tidak menjelaskan bacaan bagi setiap 55 bacaan tariq yang lain yang mana ini berbeza dengan objektif pengkaji.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Shahrudin bin Saad, Ikmal Zaidi bin Hashim, Dr. Farhah Zaidar Ramli dan Dr Sidek Ariffin (t.th). iaitu "Perbandingan Tariq al-Syatibi dan Ibnu al-Jazari Dalam Riwayat Hafs". Kajian ini juga menggunakan analisis dokumen. Kajian ini menghuraikan definisi Qira'at, Riwayat dan Tariq. Kajian ini juga menghuraikan biodata imam al-Syatibi dan kitab beliau "*Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*" serta kitab-kitab syarahannya, kemudian biodata imam Ibnu al-Jazari dan kitab beliau iaitu "*Matn Toyiyibah al-Nasyr*" dan kitab-kitab syarahan mengenainya diikuti dengan perbezaan bacaan di antara tariq-tariq yang terdapat di bawah Hafs secara keseluruhan. Kajian ini hanya merumuskan perbezaan bacaan secara ringkas, manakala objektif pengkaji ialah menyatakan setiap bacaan 57 tariq yang terdapat di dalam riwayat Hafs. Kajian ini juga berbeza dari segi objektif dan metod yang mana pengkaji menggunakan metod analisis dokumen, temubual dan soal selidik.

Terdapat lagi kajian-kajian lain yang berbentuk umum seperti yang dilakukan oleh Shahrudin Saad, Ikmal Zaidi Hashim dan Md Syafee Salihin Hasan. (2015) dengan tajuk "Tajwid Al-Quran Perbandingan Tariq Al-Syatibi dan Ibn Al- Jazari". Kajian ini hanya menerangkan perbandingan tariq al-Syatibi dan Ibnu al-Jazari secara umum sahaja tanpa menyatakan bacaan bagi setiap tariq. Begitu juga kajian Sedek bin Ariffin dan Shaafiqah binti

Idris. (2016). "Perbandingan Ilmu Tajwid Menurut Tariq Al-Syatibiy Dan Tariq Al-Jazariy Bagi Riwayat Imam Hafs 'An 'Asim". Selain itu, terdapat juga penulisan di dalam bahasa Arab yang memfokuskan kepada tariq-tariq Hafs juga dalam bentuk umum seperti penulisan yang dilakukan oleh Mohamed Salim Al-Bagha (t.th). "*Asasyat Fi Fanni Al-Tajwid Bi Riwayah Hafs 'An 'Asim Min Tariqai Al-Syatibiyah Wa Al-Hamamiy Min Al-Misbah*".

Metodologi Kajian

6.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah *Grounded Theory*. *Grounded Theory* ini mula dipelopori pada awal tahun 1960-an oleh Glaser dan Strauss, kini merupakan pilihan utama para penyelidik yang ingin membina teori tentang fenomena yang ingin mereka ketahui dengan lebih mendalam (Noraini Idris, 2013).

6.2 Pendekatan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif yang akan dilaksanakan mengikut peringkat kajian iaitu analisis keperluan dan reka bentuk.

Pada peringkat analisis keperluan, kaedah temubual akan dilaksanakan bersama dua orang pensyarah Qira'at dari Diploma Aliyah Qira'at (ITQSHHB) dan dua orang pensyarah Qira'at dari UNISSA. Pada peringkat reka bentuk, hasil daripada temubual analisis keperluan tadi dijadikan sebagai mekanisme atau penggerak penyediaan kepada matlamat, isi kandungan pelajaran, kaedah pengajaran dan penilaian. Pada peringkat ini nanti, teknik *Delphi* in shaa Allah akan dilaksanakan. Teknik *Delphi* ialah satu teknik yang menggunakan pendekatan mengumpul maklumat menggunakan mel elektronik sebagai perantaraan, maklum balas dan menyediakan kesimpulan dalam menyiapkan laporan. Pelaksanaan kajian Delphi melibatkan kesepakatan pandangan dalam kalangan panel pakar dengan melalui beberapa pusingan (Ramlan & Ghazali, 2018).

Justeru, pelaksanaan kaedah kualitatif pada kajian *Delphi* yang akan pengkaji gunakan ini melibatkan dua sesi pusingan bagi mendapatkan maklumat dan kesepakatan pandangan dengan menemubual responden yang terdiri dari lima orang pensyarah Qiraat yang terdiri dari Diploma Aliyah Qira'at (ITQSHHB) dan UNISSA dan dua orang ahli dari Bahagian Kurikulum Negara Brunei Darussalam. Kriteria-kriteria pensyarah Qira'at yang dipilih oleh pengkaji ialah mereka yang berpengalaman mengajar ilmu Qira'at melebihi tiga tahun, berpengetahuan luas tentang pendidikan Qira'at, berkeelayakan dalam bidang Ilmu Qira'at dan secara praktikal peka tentang pengembangan Qira'at dan keperluannya. Dalam sesi pusingan pertama, sejumlah lima orang pensyarah Qira'at dari Diploma Aliyah Qira'at dan UNISSA akan dipilih untuk ditemubual dan pengkaji memberi penerangan mengenai prosedur dan tujuan kajian dilaksanakan sebelum memulakan sesi temu bual secara mendalam.

Proses penyusunan terhadap tindak balas jawapan dalam kalangan responden pada sesi pusingan pertama dilaksanakan secara sistematik. Proses tersebut melibatkan

penyenaraian semula senarai idea baru (penambahan idea) termasuk komen, penjelasan dan strategi. Hal demikian memberi hak kepada mereka untuk menilai dan membandingkan penarafan sendiri dengan penarafan pakar lain. Tujuan sesi pusingan kedua pula diadakan untuk membangunkan dan memantapkan senarai semak pada peringkat penghasilan. Mereka berhadapan dengan penilaian kepada skor min bagi setiap item yang dipilih dan skor mod, median dan Julat Antara Kuartil (JAK). Sekiranya kesemua item telah mencapai tahap kesepakatan yang tinggi maka kajian Delphi sudah pun selesai.

6.3 Populasi dan Sampel Kajian

Pengkaji telah memilih pensampelan bertujuan iaitu satu cara pemilihan sampel daripada populasi yang khusus dan spesifik dan sampel yang dipilih mesti memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dan dipilih berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tertentu (Fauzi Hussin et al., 2014). Responden yang terlibat bagi peringkat analisis keperluan terdiri daripada dua orang pensyarah Qira'at dari Diploma Aliyah Qira'at ITQSHHB dan dua orang pensyarah Qira'at dari UNISSA.

Responden kajian pada peringkat reka bentuk pengajaran bagi sesi pusingan pertama dan kedua terdiri dari lima orang pensyarah Qira'at iaitu dua orang dari Diploma Aliyah Qira'at ITQSHHB, dua orang dari UNISSA dan dua orang ahli dari Bahagian Kurikulum Negara Brunei Darussalam. Jadi jumlah responden bagi peringkat ini ialah seramai tujuh orang responden.

Rumusan

Secara keseluruhannya pengkaji telah membincangkan persoalan utama kajian iaitu pengenalan, latar belakang masalah, objektif kajian, pernyataan masalah, metodologi kajian, rumusan dan rujukan.

Melalui kajian ini pengkaji dapat memberi cadangan untuk mengadakan pengajaran tariq ini di institut-institut di Negara Brunei Darussalam yang menawarkan program Qira'at dalam kurikulum pengajian mereka, juga bagi program ko-kurikulum, bengkel atau kursus yang berkaitan dengan ilmu Qira'at. Secara umumnya, dengan mempelajari tariq-tariq Hafs ini juga akan dapat memberi pelbagai manfaat kepada pembaca al-Quran antaranya boleh memilih kadar bacaan mad dua harakat bagi yang mempunyai nafas pendek juga kepada penghafaz al-Quran yang ingin menjimatkan masa mengulang hafazan namun dengan syarat mengetahui tempat-tempat bacaan yang perlu dijaga iaitu dengan mengetahui bacaan tariq-tariq ini.

Kajian ini juga diharapkan akan dapat menganalisis keperluan pengajaran tariq-tariq Hafs di Negara Brunei Darussalam dan seterusnya mereka bentuk dan menghasilkan pengajarannya di negara ini bagi meningkatkan kefahaman mengenainya di kalangan pelajar-pelajar Qira'at khususnya yang ingin mendalami bidang yang diceburi.

Rujukan

- Abdullah Idi. 2010. *Pengembangan Kurikulum Teori Dan Praktik*. Jogjakarta: Ar- Ruzz Media.
- Abdul Salam Yussof. 2010. *Idea-Idea Pendidikan Berkesan Al-Ghazali & Konfusius*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aminuddin Abu Muhammad Abdul Wahab bin Al-Salar. 2008. *Kitab Tabaqat Al-Qurra' Al-Sab'ah*. Beirut: Al-Maktabah Al-'Asriyyah.
- Brady, Laurie. (1985). *Models And Methods Of Teaching*. Australia: Prentice-Hall.
- Briggs, A. R., Sommefeldt, Daniela. 2002. *Managing Effective learning And Teaching*. London: Paul Chapman Publishing.
- Al-Dani, Abu 'Amru Uthman bin Sa'id Bin Uthman bin 'Amru. 2005. *Kitab Al-Taisir Fi Al-Qiraat Al-Sab'i*. Kaherah: Maktabah Al-Tahaqafah Al-Diniyyah.
- Al-Dimasyqiy, Abu Al-Khair Muhammad bin Muhammad. T.th. *An-Nasyr Fil Qiraat Al-Asyr, Tashih Ali Muhammad A-Dhobba'*. Darul Fikr: Mesir. Jilid 1.
- Al-Dimyati, Syihabuddin Ahmad bin Muhammad bin Abdul Ghani. 2011. *Ithaf Fudhala Al-Basyar Fil Qiraat Al-Arba'ah Asyar*. Dal Al-Kutub Al-Ilmiyyah: Beirut, Lebanon.
- Gagne, Robert M. 1985. *The Conditions of Learning*. New York: CBS College Publishing.
- Gagne, R. M., Briggs, L. J. 1916. *Principles Of Instuctional Design*. America: Library of Congress Cataloging In Publication Data.
- Al-Ghani Al-Qadhi, Abdul Fattah. T.th. *Al-Budur Az-Zahirah Fil Qiraat Al-Asyr Al-Mutawatirah*. Darussalam. Jilid 1.
- Ghazali Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Haji Ahmad Haji Salim. 2017. *Generasi Berilmu Pemangkin Transformasi Negara*. Jabatan Perdana Menteri: Brunei.
- Hasan Langgulung. 1991. *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Saufi.
- Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. 1419H. *Munjid Al-Muqriin Wa Mursyid At-Talibin*. Dar Ilmil Fawaid: Makkah Al-Mukarramah.
- Al-Mar'asyi, Muhammad Ibni Abi Bakr. 2012. *Tahzib Al-Qiraat*. Darul Ghawthani: Damsyik.
- Mok Soon Sang. 1994. *Asas pedagogi Dalam Pengajaran-Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa.
- Muhammad Fahd Khoruf. 2006. *Al-Muyassar Fi Al-Qiraat Al-Arba' 'Asyarah*. Damsyik: Dar Ibnu Kathir.
- Nunan, David. (1988). *Syllabus Design*. Oxford: Oxford University Press.
- Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiaah*. T.th. Prospektus ITQSHHB, Negara Brunei Darussalam.
- Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman. 2006. *Falsafah Pendidikan Negara: Ke Arah Kecemerlangan Pembangunan Duniawi Dan Ukhrawi*. Himpunan Kertas Kerja Seminar Pendidikan dan Profesionalisme. 20-23 Jamadilakhir 1426H/27-30 Julai 2005. Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.